

# ISU SURVIVAL POLITIK MUSLIM DI MALAYSIA

Oleh

Prof. Zakaria Stapa dan Prof. Madya Dr. Ibrahim Abu Bakar

## PENDAHULUAN

Melayu dan Muslim adalah sinonim mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia (the Federal Constitution of Malaysia). Artikel 160 Intepretation (Interpretasi). “‘Malay’ means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay custom and—(a) was before Merdeka Day born in the Federation or in Singapore or born of parents one of whom was born in the Federation or in Singapore, or is on that day domiciled in the Federation or in Singapore; or (b) is the issue of such a person;” (Legal Research Board 1988: 153). Perlembagaan Persekutuan Malaysia juga menyatakan dalam Artikel 3 (1) “Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation”.(Legal Research Board 1988: 2).

Islam dan Melayu merupakan elemen yang cukup erat. Ini diakui oleh para pengkaji sejarah Malaysia, perlembagaan Malaysia, undang-undang Malaysia dan politik Malaysia yang berada di Malaysia dan di luar Malaysia. Kaitan dua unsur ini dapat dikesan di kalangan ahli-ahli politik Muslim di Malaysia khususnya isu-isu yang dibangkitkan ketika menjelang pilihanraya umum. Di Malaysia terdapat parti politik yang bernama Parti Islam Se-Malaysia (Pan-Malaysian Islamic Party) yang diringkaskan dengan nama PAS yang muncul sebelum kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah Inggeris. Tanah Melayu atau Malaya dalam bahasa Inggeris diberikan kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957 dan Malaysia diberikan kemerdekaan pada 16 September 1963.

Parti politik Melayu yang tidak menggunakan nama Islam adalah UMNO (the United Malays National Organization) yang juga ditubuhkan sebelum Tanah Melayu mendapat kemerdekaan daripada Inggeris. Walaupun tidak ada perkataan Islam dalam nama parti UMNO tetapi ia boleh dikatakan parti politik Islam kerana Melayu adalah Muslim mengikut takrif Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

UMNO telah berkerjasama dengan parti-parti politik bukan-Melayu dalam usahanya menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Parti-parti bukan-Melayu yang utama dan terbesar ketika itu hingga hari ini adalah parti kaum Cina bernama MCA (Malayan Chinese Association) dan MIC (Malayan Indian Congress). Kedua-dua parti bukan-Melayu ini membentuk Parti Perikatan dengan UMNO dan menuntut kemerdekaan daripada Inggeris pada akhir 1950an. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan nama kedua-dua parti bukan-Melayu ini masih sama iaitu MCA dan MIC tetapi Malayan ditukarkan kepada “Malaysian”.

Pakatan parti politik Parti Perikatan (the Alliance Party) telah ditukarkan kepada Barisan Nasional (the National Front) setelah lebih banyak parti politik menyertai pakatan politik yang diasaskan oleh UMNO, MCA dan MIC berkenaan pada awalnya. Parti-parti politik Melayu dan Bumiputra di Sabah dan di Sarawak menyertai Barisan Nasional dan menjadi parti-parti politik yang memerintah di negeri-negeri di Malaysia dan di peringkat persekutuan.

Dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu (1957-1963) yang merdeka dan Persekutuan Malaysia (1963-hingga kini) yang merdeka terdapat satu tragedi politik dan perkauman berlaku pada 13 Mei 1969 selepas pilihanraya umum di mana parti politik yang didominasi oleh orang Cina bernama DAP (Democratic Action Party) memenangi lebih banyak kursi di Parliamen berbanding dengan pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. Akibat daripada tragedi itu, Parliamen Malaysia digantung dan Malaysia berada di bawah pemerintahan yang dinamakan Majlis Tindakan Negara yang diketuai oleh Abdul Razak Hussin, Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Presiden Barisan Nasional. Perdana Menteri Malaysia, Presiden UMNO dan Presiden Barisan Nasional adalah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Setelah Tunku Abdul Rahman mengundurkan diri, maka Abdul Razak menggantikannya, dan setelah Abdul Razak meninggal dunia, maka Hussein Onn menggantikannya, dan setelah Hussein mengundurkan diri, maka Dr. Mahathir Mohamad menggantikannya, dan pada akhir 2003 Dr. Mahathir mengundurkan diri, maka Abdullah Ahmad Badawi menggantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia, Presiden UMNO, dan Presiden Barisan Nasional.

Dalam pilihanraya umum 2004, Barisan Nasional mendapat kemenangan paling besar dalam sejarah politik dan pilihanraya di Malaysia. Tetapi dalam pilihanraya umum Mac 2008, Barisan Nasional mengalami kekalahan paling besar dan parti-parti pembangkang PAS, Parti Keadilan atau Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang diketuai oleh Wan Azizah, isteri Anwar Ibrahim, dan DAP mendapat kemenangan besar di peringkat negeri dan parliamen. Wan Azizah dilantik menjadi Ketua Pembangkang dalam Parliamen dan selepas beliau meletakkan jawatan sebagai Ahli Parliamen Permatang Pauh, Pulau Pinang untuk membolehkan suaminya bertanding dalam pilihanraya kecil berkenaan, maka Anwar Ibrahim dilantik menjadi Ketua Pembangkang dalam sidang Parliamen yang berlaku pada bulan Ogos 2008 setelah beliau memenangi pilihanraya kecil Parliamen Permatang Pauh.

Dalam pilihanraya umum Mac 2008, daripada sejumlah 222 kerusi Parliamen atau Dewan Rakyat, Barisan Nasional (BN) mendapat 140 kerusi (132 menang bertanding, dan 8 menang tanpa tanding), PAS memenangi 23 kerusi, DAP memenangi 28 kerusi, dan PKR memenangi 31. (SPR2008).

Kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri Kedah (36) pada tahun 2008 adalah 16 PAS, 14 Barisan Nasional (BN), 4PKR dan 1DAP dan 1Bebas. Kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan (45) terdiri daripada 38 PAS, 6BN, 1PKR. Kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri Perak (59) terdiri daripada 26BN, 18DAP, 7PKR, dan 6PAS. Kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (40) terdiri daripada 19DAP, 11BN, 9PKR, dan 1PAS. Kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor (56) terdiri daripada 20BN, 15PKR, 13DAP dan 8PAS.(SPR 2008).

Parti-parti politik gabungan PAS, DAP dan PKR menjadi parti-parti politik yang memerintah di negeri Selangor, Perak dan Penang. Menteri Besar di Selangor daripada PKR, Menteri Besar di Perak daripada PAS, dan Ketua Menteri di Pulau Pinang daripada DAP. PAS memenangi kursi majoriti di Kelantan dan Kedah dan Menteri Besar di Kedah dan di Kelantan adalah daripada PAS.

Akibat daripada perubahan senario politik Malaysia pada tahun 2008, maka timbullah isu survival politik Muslim di Malaysia yang pernah timbul dalam sejarah politik Malaysia sebelum ini ditimbulkan kembali kerana ramai wakil rakyat PKR

adalah bukan Muslim, dan ramai wakil rakyat DAP adalah bukan Muslim. Di samping PKR dan DAP dan PAS mengutarakan idea mengguling kerajaan Malaysia pimpinan BN melalui undian di Parlimen atau Dewan Rakyat pada 16 September 2008. Walaupun wakil rakyat PAS adalah Muslim tetapi PAS bekerjasama dengan PKR, tidak bekerjasama dengan UMNO dalam pilihanraya umum 2004 dan 2008. PAS juga kurang bercakap membela kepentingan Melayu dan Muslim di Malaysia kerana keberadaan PAS dalam bentuk kerjasama yang longgar dengan PKR. PAS telah tidak mempromosikan pembentukan Negara Islam di Malaysia dalam manifesto pilihanraya 2008 tetapi PAS menggantikannya dengan slogan “PAS untuk semua” dan dalam bahasa Inggerisnya “12TH GENERAL ELECTION PAS FOR ALL” dan “A NATION OF CARE & OPPORTUNITY”(Manifesto 12th General Election Islamic Party of Malaysia (PAS) 19 Febraury 2008/12 Safar 1429H).

### **Isu Survival Politik Muslim**

Isu survival politik Muslim di Malaysia meliputi tiga isu utama iaitu isu perpaduan Melayu, isu hak keistimewaan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, dan isu Islam dan bukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Politik adalah cara dan usaha untuk menangani masalah-masalah rakyat melalui undang-undang untuk mewujudkan kemaslahatan dan mencegah perkara-perkara yang merugikan manusia. Sistem politik dalam Islam berbeza dengan sistem-sistem buatan manusia untuk mencapai keadilan dan tidak mempunyai unsur penindasan. Oleh itu, Islam menganjurkan sistem syura dalam pemilihan kelompok pemimpin yang akan menerajui negara (Al-Bhahansawi 1996).

Menurut Abdul Karim Zaidan (2002), sistem politik ialah suatu sistem yang terdiri daripada beberapa dasar dan peraturan yang berkaitan dengan pemerintah atau ketua negara, kaedah pemilihan, kedudukannya dari segi undang-undang, hubungan rakyat dengan ketua negara, matlamat yang dicapai melalui politik dan sebagainya. Manakala ciri-ciri sistem politik pula ialah wujudnya khalifah, dasar syura serta kepatuhan kepada Islam.

Manakala menurut Abd Aziz (2003), hubungan antara politik dengan Islam amat berkait antara satu sama lain kerana Islam adalah akidah dan peraturan yang tidak dapat

dipisahkan dari urusan-urusan politik dan kerajaan. Islam bukan hanya satu sistem semata-mata, tetapi ia adalah al-Din (agama) dan al-Daulah (negara). Politik membicarakan persoalan yang berkaitan dengan bentuk pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Hingga kini sebahagian ulama politik masih meyakini dan berpegang bahawa al-Siyasah (politik) adalah al-daulah (negara).

Menurut Mohd Nakhaie Ahmad (1993), perkembangan politik di Malaysia dapat dilihat setelah negara tidak lagi diterajui oleh penjajah. Negara ini telah dipimpin dan diterajui oleh orang-orang Melayu dan beragama Islam. Namun begitu, hubungan antara pemerintah dan pembangkang sentiasa berjalan di atas landasan tidak bersetuju dan tidak berkompromi. Kedua-dua belah pihak sentiasa mencari kelemahan masing-masing. Sikap kerajaan terhadap pembangkang dan sikap pembangkang terhadap kerajaan tidak mengenal batas-batas patriotisme dan kepentingan bersama atau kepentingan nasional.

Selain itu, politik di Malaysia juga seringkali menjadi isu kontroversi di mana iklim politik semasa banyak dipengaruhi oleh politik kotor ahli politik dalam usaha mempertahankan survival dan karier mereka dalam dunia politik dan sanggup melakukan apa sahaja sehingga mengabaikan pertimbangan agama dan moral. Cara berpolitik seperti ini menggambarkan pemikiran dan sikap serta tindakan yang tidak matang. Perkara ini hanya akan menjumudkan kemajuan sistem berpolitik dalam masyarakat (Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuan Mohd Yunus 1999)

Namun, kebangkitan Islam di Malaysia pada awal tahu 1970-an telah membawa kesan yang sangat besar terhadap perjalanan politik tanah air. Pengaruh kebangkitan mengamalkan ajaran Islam yang lengkap dan menyeluruh (*syumul*). Kesedaran tentang Islam tidak hanya terbatas kepada persoalan ibadat sahaja malah Islam difahami sebagai mencakupi persoalan ekonomi, politik, pendidikan dan keseluruhan persoalan kehidupan yang bersifat semasa. Menyedari hal itu, maka UMNO dan PAS telah berusaha untuk menyesuaikan dasar perjuangan agar sentiasa relevan dengan kehendak Islam (Wan Nik Wan Yussof & Asma' Husna Sulaiman 2006)

Perjuangan politik untuk membentuk rupa bangsa negara ini telah berlangsung sekian lama. Satu pihak mahukan rupa bangsa ini dibentuk atas ras Melayu tanpa

menghiraukan sama ada kebudayaan Melayu itu dicemari oleh tahyul dan khurafat, manakala satu pihak lagi rupa bangsa negara dibentuk berdasarkan agama dan ajaran Islam yang bersifat sejagat. Dalam rangka ini, terbentuklah dua kumpulan (parti) yang memperjuangkan idealisme masing-masing. Satu parti politik yang mendasari perjuangannya di atas semangat kebangsaan Melayu (nasionalisme), sementara satu lagi parti politik mengasaskan perjuangan di atas dasar-dasar Islam ('Abdul Razak Ayub 1985)

Menurut Kamal HT (1986), di dalam pergolakan politik tanah air kini, masyarakat Melayu akan menghadapi gelombang politik yang mencabar sama ada dari segi ekonomi, pendidikan dan sosial. Manakala ancaman serta cabaran yang paling besar ialah mengenai perbezaan fahaman politik dari parti yang menjadi pilihan orang-orang Melayu yang beragama Islam iaitu PAS-UMNO. Semangat Islam dan fahaman kebangsaan adalah satu benteng yang kuat serta pertahanan yang kukuh bagi kekuatan dan keutuhan bangsa Melayu. Namun apabila benteng ini dapat ditembusi oleh fahaman-fahaman lain seperti tuduhan PAS yang mendakwa fahaman kebangsaan sama dengan perjuangan asabiyah, maka hasrat dan cita-cita musuh politik UMNO dan golongan anti-nasional yang ingin memecahbelahkan perpaduan Melayu akan mudah dicapai (Kamal HT 1986).

Di samping itu, perbezaan dasar perjuangan antara UMNO-PAS terhadap Islam juga menjadikan cita-cita politik yang berbeza antara dua parti tersebut. Ini pasti menyukarkan orang-orang Melayu mencapai perpaduan dan permuafakatan. PAS menegaskan ia adalah satu-satunya parti politik yang berjuang menegakkan negara Islam di negara ini. Manakala UMNO pula dalam cita-cita Islamnya, ia tidak lari daripada hakikat landasan perjuangannya yang begitu menebal dengan identiti nasionalismenya. Meskipun masing-masing mempunyai dasar dan prinsip yang tegas dalam merealisasikan cita-cita Islam, namun tidak bermakna tiada ruang langsung untuk mencari titik pertemuan bagi merapatkan jurang yang dihadapi dan semua ini bergantung pada keikhlasan kedua belah pihak (Ibrahim Ahmad 1989).

Justeru, perpecahan dan pertentangan antara orang Melayu terus berlaku dengan kebanyakan isunya berkisar kepada persoalan agama serta politik dan telah menyebabkan lahirnya berbagai-bagai parti politik dan pertubuhan yang mewakili

pelbagai kepentingan orang Melayu. Pertembungan dan perpecahan di antara orang Melayu sepatutnya dapat di atasi sekiranya kembali kepada asas penyatuan yang digariskan dalam al-Quran. Usaha untuk pertemuan parti-parti politik Melayu iaitu PAS, UMNO dan PKR perlu diadakan untuk membincangkan agenda penyatuan orang Melayu dan mencari titik pertemuan bagi menghapuskan segala perbezaan dan pertentangan yang wujud (Haslina Hassan 2001).

Ramlah Adam berpendapat, “Perpecahan yang berlaku di antara golongan kanan dan kiri Melayu di antara tahun 1946-1948 dan perpecahan alim ulama UMNO daripada badan induknya untuk membentuk Parti Islam SeMalaya pada tahun 1951, patut menjadi tauladan orang Melayu dalam menghadapi alaf 21 ini. Soal mementingkan pendapat sendiri ataupun menegakkan kepentingan sekumpulan kecil pemimpin Melayu sehingga perpecahan politik Melayu menjadi begitu ketara sekali, patut dielakkan. Perjuangan politik berparti harus menentukan faedah yang maksimum untuk bangsa Melayu itu sendiri. Tanpa parti yang mengutamakan kepentingan Melayu sebagai modus operandinya, seperti di Singapura, nasib orang Melayu pada masa depan akan terancam. Tanpa ada parti yang kuat untuk menjadi wakil orang Melayu dalam setiap pilihanraya kebangsaan, kuasa politik yang tinggal sedikit ini akan musnah. Oleh kerana kesedaran inilah, UMNO dapat terus bertapak selama 52 tahun dalam politik negara ini.” (Ramlah Adam 2002: 3-4).

Ramlah Adam melihat kerjasama UMNO-PAS (1973-1977) sebagai suatu yang baik dan positif kepada Melayu dan Muslim di Malaysia. Beliau menulis, “Bagi masyarakat Melayu/Islam, kerjasama UMNO-PAS (1973-1977) adalah sesuatu yang amat manis; kerjasama mereka telah membuktikan perpaduan Melayu amat wajar dipertahankan supaya kedudukan mereka tidak terjejas atau dipergunakan oleh pihak ketiga. Malah, perpecahan yang terlalu melebar dengan penubuhan parti Melayu yang lain, hanya akan memecahkan undi orang Melayu/Islam kepada beberapa bahagian yang kecil, yang sudah tentu tidak akan memberi majoriti suara orang Melayu dalam pilihanraya akan datang. Apabila majoriti tidak berada lagi di tangan orang Melayu, kedudukan Melayu sebagai teras atau tulang politik Malaysia yang selama ini diterima oleh orang lain, akan tercabar dan musnah.”(Ramlah 2002: 26).

Apa yang diramalkan oleh Prof. Dr. Ramlah Adam pada tahun 2002 itu tidak berlaku pada pilihanraya umum 2004 tetapi berlaku pada pilihanraya umum 2008 kerana PKR, PAS dan DAP telah berjaya mengalahkan BN dalam pilihanraya umum 2008. Pada pendapat Ramlah, “Barisan Nasional: Satu Formula Politik Terbaik” (Ramlah 2002: 19) untuk politik berbagai kaum dan berbagai agama di Malaysia

Mengenai budaya politik di Malaysia, Ahmad Nidzammuddin menyimpulkan, “Perkembangan terkini menyaksikan budaya politik Melayu dan Malaysia amnya yang bersifat neo-feudal sedang bertembung dengan nilai baru yang lebih sejagat sifatnya kesan dari impak globalisasi kini. Impak ini belum sepenuhnya memberi kesan kepada budaya politik negara tetapi memperlihatkan daya perubahan yang persisten, konsisten dan sangat mendesak. Perubahan ini dijangkakan akan lebih menyeluruh sifatnya dalam satu atau dekad dua mendatang.”(Ahmad Nidzammuddin 2002: 54). Apa yang diramalkan oleh beliau ini nampaknya telah berlaku lebih awal kurang daripada satu dekad kerana pilihanraya umum 2008 telah membuat perubahan yang besar kepada politik Melayu dan Muslim di Malaysia. Ini dapat diberikan justifikasi melalui isu-isu yang dibangkitkan dalam Parliamen atau Dewan Rakyat dan di dalam akhbar-akhbar di Malaysia.

Zulkifli Nordin (PKR-Kulim Bandat Baru) bercakap dalam Dewan Rakyat mengenai isu Islam dan hak keistimewaan orang Melayu pada 23 Oktober 2008. “Zulkifli said the Bar Council did not respect Islam as the official religion of the country. He added that it supported apostasy without to think the feelings of Muslim lawyers, who accounted for 40 per cent in its rolls. Take the Azalina Jailani (Linay Joy) apostasy case. The Bar Council sent its representative to ensure that Azalina could leave Islam.”(New Straits Times, Oct. 24, 2008: 17).

Zulkfli juga tidak setuju dengan cadangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan MCA 2008 yang meminta Timbalan Presiden Barisan Nasional dan dengan sendirinya Timbalan Perdana Menteri diberikan kepada MCA. Zulkifli “felt this was yet another swipe at Islam as the deputy prime minister’s position has always been held by a Muslim”.(New Straits Times, Oct.24, 2008: 17).

Salah satu badan agama yang aktif menentang ISA (Internal Security Acts) di Malaysia adalah HINRAF (Hindu Rights Action Force) dan sebahagian ahli kumpulan ini telah menghadirkan diri di Majlis Hariraya Terbuka yang diadakan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Menteri-menteri yang beragama Islam untuk sambutan Hari Raya Puasa 2008 di PWTC (Putra World Trade Centre) di Kuala Lumpur. Dalam majlis itu kumpulan HINRAF menyerahkan memorandum supaya membebaskan pemimpin mereka yang ditahan mengikut ISA dan menghapuskan ISA. Mengenai peristiwa ini, Zulkifli dilaporkan berkata, “one group had even shown disrespect to Islam when it had stormed the Hari Raya open house of the prime minister and Muslim ministers to forward its demand.” (New Straits Times, Oct. 24, 2008: 17).

Secara ringkasnya tidak bersetuju dengan kumpulan-kumpulan dan tuntutan-tuntutan golongan tertentu di Malaysia yang dianggap tidak menghormati Islam sekalipun DAP dan PKR menyokong HINRAF dalam beberapa tuntutannya supaya membebaskan tahanan ISA dan menghapuskan ISA. “Zulkifli said there were also elements in the country who did not respect Islam and were perpetually challenging the position of the religion.... Some say I speak like I am supporting a certain group but the truth is I speak in support of Islam. I don't care for the views of the others as I am answerable only to Allah.” (New Straits Times, Oct. 24, 2008: 17).

Zubaidah Abu Bakar melaporkan pendapat atau pandangan Ketua Bahagian UMNO Padang Besar di Perlis bernama Abdul Shukor Sultan mengenai hubungan UMNO dan parti-parti utama dalam BN. Shukor “spoke his mind at the meeting on why BN component parties should not make unreasonable demands from Umno, arguing that the huge losses suffered by Gerakan, MCA and MIC, and not UMNO, caused BN to lose its two-thirds majority in Parliament.” (Zubaidah 2008: 24).

Manakala ahli-ahli UMNO yang menghadiri mesyuarat Bahagian Tasek Gelugor, Bahagian Bukit Gelugor dan Bahagian Nibong Tebal di Pulau Pinang dilaporkan menentang keras pihak-pihak yang mempersoalkan hak-hak keistimewaan Melayu dan ketuanan Melayu. Zubaidah Abu Bakar menulis, “Delegates of the three divisions in Penang which have held their meetings... were, however, quite vocal in defending the special Malay rights; expressing concerns over the opposition harpening on their concept of *ketuanan rakyat* (people's supremacy).” (Zubaidah 2008: 24). Konsep

ketuanan rakyat dipopularkan oleh DAP dan PKR setelah mereka memenangi besar dalam pilihanraya umum 2008.

Ahmad Lebai Sudin, Ketua UMNO Bahagian Pokok Sena di Kedah menyeru supaya UMNO menolak permintaan MCA supaya Timbalan Presiden BN diberikan kepada MCA. Seruan itu diluluskan sebulat suara dalam mesyuarat bahagian berkenaan. UMNO Bahagian Grik di Perak menyatakan dukacita kepada pendapat Tan Lian Hoe, Ketua Wanita Gerakan, "the Malays are an immigrant race". UMNO Bahagian Lenggong di Perak meluluskan resolusi supaya Tan Lian Hoe mengosongkan jawatan Timbalan Menteri Penerangan yang disandangnya itu kerana menyatakan UMNO membuli Gerakan dan Melayu adalah bangsa imigran.(Zubaidah 2008: 24).

Zulkifli menyatakan bahawa "Kenyataan khas Raja-Raja Melayu itu ingin memperingatkan semua pihak bahawa perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan tidak perlu dipersoal atau dipertikaikan." Artikel 3 mencatatkan "Islam adalah agama Persekutuan". Artikel 11 (4) Perlembagaan melindungi orang Islam. Artikel 150 (6A) mengenai undang-undang Islam untuk orang Islam. "Oleh itu kaitan antara Melayu dengan agamanya itu rapat. Sehingga ada kata-kata bahawa Islam itu Melayu, Melayu itu Islam. Kalau dilihat secara menyeluruh dalam Perlembagaan keistimewaan dan ketinggian agama Islam itu memang ditetapkan. Jadi disebabkan itu Islam sebenarnya tinggak kesetabilan politik dalam negara dan tonggak keharmonian rakyat negara ini. Justeru apa juga perkara berkaitan Islam tidak boleh 'main-main'".(Zulkiflee 2008: 9).

Artikel 11 (4) dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan "State law and in respect of the Federal Territories of Kuala Lumpur and Labuan, federal law may control or restrict the propagation of any religious doctrine or belief among persons professing the religion of Islam."(Legal Research Board 1988: 8).

Mengenai kemungkinan Zulkifli diambil tindakan oleh PKR kerana bercakap berlainan nada dengan PKR, parti berbagai kaum dan agama, Zulkifli menegaskan "I am a Muslim first, party member second; I am a Muslim first, a lawyer second. I am a Muslim firstan MP second. I am a Muslim first, everthing else is second." (Zulkiflee 2008: 9). Zulkifli menyatakan, "Kalau kita lihat biarpun MIC dan PKR mempunyai

fahaman politik yang berbeza tetapi dalam isu Hindraf mereka bersatu. Begitu juga dalam isu Teresa Kok kenapa MCA dan DAP boleh satu suara. Jadi yang hairannya kenapa kita orang Islam tidak boleh berbuat demikian?”(Zulkiflee 2008: 9).

Dr Rais Yatim melihat kelemahan UMNO yang membawa kepada politik ugutan daripada parti-parti politik dalam BN sendiri. “Mereka lupa bahawa MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain bergantung nasib kepada UMNO selama ini. Apabila melihat kerusi mereka pun hilang mereka terus menyalahkan UMNO ini tidak seharusnya berlaku.” (Zulkiflee dll. 2008: 7).

Dr Rais Yatim menuntut supaya UMNO mempertahankan kepentingan Melayu dan mendominasi kepimpinan politik Malaysia. Beliau menegaskan, “Oleh demikian pemimpin UMNO akan datang harus dilihat sebagai berani mengutamakan kepentingan Melayu tetapi pada masa yang sama pandai menyatakan kepada rakan-rakan bukan UMNO jaga tempat anda, anda adalah sebahagian daripada Bn tetapi UMNO dominan. Kesamarataan dalam BN dari segi kekuatan politik tidak boleh diterima. UMNO mesti menonjol terus sebagai parti memimpin. Jika tidak akan hilang pelbagai hak dan juga kepentingan.”(Zulkiflee dll. 2008: 7).

Mengikut Rais, kedudukan Raja-Raja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. “Jadi Raja-Raja Melayu mempunyai hak-hak kedaulatan, kebesaran, kemuliaan tidak boleh disentuh. Hak-hak Melayu secara khusus keistimewaan di bawah Perkara 153 tidak haus disentuh, bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan Perkara 159 mesti dihormati dan dilaksanakan. Selainnya hak agama Islam, hak beragama, hak kesamarataan dan hak-hak yang dijamin ditetapkan oleh Perlembagaan mesti dipatuhi.” Dan “UMNO perlu mempertahankan hak dalam kontrak sosial”.(Zulkiflee dll 2008: 7). Nampaknya kontrak sosial di Malaysia dirujuk kepada apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri di Malaysia mengenai Melayu, Islam dan Raja-raja Melayu dan hak-hak rakyat Malaysia yang bukan Melayu, dan bukan beragama Islam.

## KESIMPULAN

Isu survival politik Muslim di Malaysia masih menjadi isu yang bertambah penting untuk dicari jawapan oleh UMNO dan pemimpin Muslim dalam parti-parti politik di Malaysia. UMNO dituntut mempertahankan Perlembagaan Persekutuan kerana perlembagaan itu memperuntukan dengan jelas hak-hak Melayu, Islam dan Muslim. Pemimpin UMNO dituntut tidak supaya tidak memberikan apa sahaja yang dituntut oleh parti-parti lain dalam Barisan Nasional seperti MCA, Gerakan dan MIC. MIC tidak banyak membuat tuntutan berbanding dengan MCA dan Gerakan dalam tahun 2008. PKR dan PAS dilihat tidak penting dalam mempertahankan hak-hak Melayu, Islam dan Muslim berbanding dengan UMNO. Wakil Rakyat PAS telah tidak menyokong Wakil Rakyat PKR yang bercakap mengenai Islam dan Muslim di Malaysia dalam Dewan Rakyat atau Parlimen. UMNO pula dilihat dalam keadaan lemah oleh parti-parti lain dalam BN dan oleh kerana itu timbul “politik ugutan” dalam BN sendiri dalam hubungan UMNO dengan parti-parti politik dalam BN terutama MCA dan Gerakan.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Saikh Ma'atok. 2003. *Teori dan amalan politik dalam Islam*. Bangi: UKM
- Abdul Karim Zaidan. 2002. *Islam dan dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamed (Penyunting). 2002. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- 'Abdul Razak Ayub. 1985. *Perpecahan bangsa Melayu*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar
- Ahmad Nidzammudin Sulaiman. 2002. Budaya Politik Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia. Dalam *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, hlm. 33-60. Disunting oleh Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Al-Bahansawi, Salim Ali. 1996. *Wawasan sistem Politik Islam*. Terj. Jakarta: Pustaka al-Kausar
- Haslina Hassan. 2001. *Penyatuan Melayu asas perpaduan nasional*. Dewan Masyarakat Mac: 11-12

- Ibrahim Ahmad. 1989. *Konflik UMNO PAS dalam isu Islamisasi*. Selangor: IBS Buku sdn bhd
- Kamal HT. 1986. *Assabiyah dalam konteks Islam*. Johor: Thinker's Library sdn bhd
- Legal Research Board. 1988. *Federal Constitution*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mohd Nakhaie Ahmad. 1993. *Mantapkan landasan perjuangan*. Kuala Lumpur: Rangkaian Analisa dan Penyelidikan Islam
- New Straits Times*, Oct. 24, 2008. "Zulkifli aims barbs at Bar Council" page 17.
- Ramlah Adam. 2002. Perkembangan Politik di Malaysia. Dalam *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, hlm. 3-32. Disunting oleh Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- SPR (Suruhanjaya Pilihanraya). 2008. Kedudukan Kerusi Dewan Rakyat Yang Dimenangi. Dalam [http://semak.spr.gov.my/spr/module/5\\_KerusiDR.php](http://semak.spr.gov.my/spr/module/5_KerusiDR.php) Dilawati 27Okt.2008.
- SPR (Suruhanjaya Pilihanraya). 2008. Kedudukan Kerusi Dewan Undangan Negeri Yang Dimenangi. Dalam [http://semak.spr.gov.my/spr/module/5\\_kerusiDUN.php](http://semak.spr.gov.my/spr/module/5_kerusiDUN.php) Dilawati 27Okt. 2008
- Wan Nik Wan Yussof & Asma' Husna. 2006. *Islam dalam politik Malaysia satu kritikan terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu: Political Analysis and Strategic Development
- Zubaidah Abu Bakar. 2008. "For many delegates, it is a do-or-die business". Dalam *New Straits Times*. Oct. 24, 2008, page 24.
- Zulkiflee Bakar. 2008. "Bersatulah demi Islam" Wawancara Zulkifli Noordin, Ahli Parlimen Kulim Bandar Baru. Dalam *Mingguan Malaysia*. Ahad 26 Oktober 2008, hlm. 9.
- Zulkiflee Bakar, Zulkifli Jalil dan Hafizahril Hamid. 2008. "Bahaya politik ugutan" Wawancara Datuk Seri Dr Rais Yatim, Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Dalam *Mingguan Malaysia*. Ahad 26 Oktober 2008, hlm. 7.
- Zulkiple Abd Ghani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 1999. *Kepimpinan dakwah dan politik Islam*. Bangi: UKM